

MEMBERDAYA LINGKUNG KEBITARAAN :

WATAK DAN JATI DIRI MAHASISWA

Oleh : Azizan Bin Ajiji
Exco Dokumentasi & Penerbitan PKPIM

“Kami ceritakan kisah mereka (Ashabul Kahfi) kepadamu (Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk dan Kami telah meneguhkan “Tuhan kami adalah Tuhan langit dan bumi, kami tidak menyeru Tuhan selain Dia, sesungguhnya kami kalau demikian telah mengucapkan perkataan yang amat jauh dari kebenaran.”

(Al-Kahfi : 13-14)

“Dari Amru bin Maimun Al Audi r.a bersabda Rasulullah S.A.W bahawa, ingatlah lima perkara; masa mudamu sebelum masa tua, masa sihatmu sebelum masa sakit, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum masa sibuk dan masa hidup sebelum masa mati.”

PENDAHULUAN

Ayat di atas menegaskan penghargaan Allah kepada pemuda yang kental imannya dalam peristiwa Ashabul Kahfi manakala hadith Rasulullah S.A.W pula menegaskan pentingnya waktu muda. Kita faham bahawa golongan belia adalah merupakan golongan terbesar mewakili kira-kira 60% penduduk Malaysia, manakala mahasiswa adalah golongan terbesar dalam kategori belia. Justeru itu golongan mahasiswa adalah amat signifikan dalam mencorakkan sesebuah Negara dan bakal pewaris generasi serta tamadun akan datang.

Sejak dahulu sehingga hari ini mahasiswa atau golongan muda dalam atau luar negara telah melalui beberapa siri episod perjuangan sama ada baik atau buruk apa yang mereka lakukan pada pandangan mata masyarakat. Setiap episod terutama yang menarik perhatian, popular, menonjol dan dikira sebagai memberi sumbangan dirakamkan dalam bentuk penulisan mahupun visual dan daripada itulah menjadi gambaran di mata umum bahawa begitulah mahasiswa. Malah ada yang membuat kesimpulan dengan yakin memang begitulah mahasiswa seluruh dunia. Adalah menjadi sesuatu yang tidak adil jika kita menilai makna mahasiswa hanya daripada secebis gambaran tanpa cuba memahami hakikat sebenar makna mahasiswa. Malah lebih parah mahasiswa sendiri mengalami sakit jiwa memandangkan hanya satu sisi tentang diri mereka sendiri. Akal dan daya intelek mereka menjadi songsang menyebabkan mereka menilai ‘kebenaran sebagai kebatilan dan kebatilan sebagai

kebenaran'. Perkara ini disentuh melalui analisa sufistik oleh Ibn Qayyim yang terakam dalam karyanya "*al-Wabilu s-Sayyib mina l-kalimi t-Tayyib*"

"...kalau sekiranya hati berkarat, maka gambaran-gambaran maklumat yang terakam padanya tidak akan menepati realitinya yang sebenar, justeru, ia akan melihat kebatilan sebagai benar dan kebenaran sebagai kebatilan.... Maka, ia tidak lagi menerima kebenaran dan tidak mahu menafikan kebatilan. Ini merupakan sebesar-besar hukuman bagi hati (*al-zami 'uqubat al-qalbi*). Puncanya ialah kelalaian dan mengikut hawa nafsu, maka kedua-duanya memadamkan cahaya hati dan membutakan pandangannya..."

Allah Ta'ala berfirman,

"... dan janganlah kamu mematuhi orang yang lalai hatinya daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah lakunya pula adalah melampaui kebenaran..." (*surah al-Kahfi : ayat 28*)

SECEBIS SEJARAH GERAKAN MAHASISWA DAN ANAK MUDA

Iran

Revolusi Iran yang berjaya menjatuhkan Shah Iran (1941-1979) ini didokong dan digerakkan oleh generasi muda. Pemberontakan yang bermula pada tahun 1978 dan berakhir pada 1979 ini menyaksikan peranan agresif generasi muda dan pelajar yang menyokong Ayatullah Khomeini berjaya menjatuhkan pemerintah yang dianggap sangat berkuasa pada ketika itu kerana mendapat sokongan AS. Generasi muda Iran disifatkan sangat radikal.

Ethiopia

Pada tahun 1974, kelompok pelajar bangkit menentang pemerintah Heile Selassie yang gagal untuk mengatasi masalah pengangguran, kemunduran, pengagihan hasil ekonomi yang tidak adil, inflasi dan kebuluran yang melanda wilayah-wilayah selatan negara ini pada tahun 1972-1975. Apabila pemerintahan bertukar kepada rejim tentera ekoran rampasan kuasa yang dipimpin Lt. Kol. Mengistu Haile Mariam, rejim ini tetap mendapat tentangan daripada generasi muda.

Perancis

Pada bulan Mei 1968, ekoran daripada ketidakmampuan universiti untuk menampung kemasukan pelajar yang meningkat, kelompok pelajar telah melancarkan gerakan kebangkitan yang dikenali sebagai Paris Student's Revolt. Kebangkitan ini dipengaruhi oleh aliran pemikiran anarkis idea-idea sosialis Mao.

China

Peristiwa pembunuhan Tianamen Square yang berlaku pada 1989 ini merupakan antara peristiwa kebangkitan pelajar terpenting dalam abad ke 20. Insiden ini menyaksikan pertembungan kelompok pelajar prodemokrasi menentang pemerintahan Deng Xiaoping. Setelah arahan untuk menamatkan demonstrasi tidak diendahkan, pemerintah China mengambil pendekatan keras dengan mengarahkan Tentera Pembebasan China (People Liberation Army) untuk mematikan arus kebangkitan para pelajar ini.

Indonesia

Selain peristiwa Tianamen, kebangkitan Mahasiswa pada bulan Mei 1998 di Indonesia menentang pemerintahan Presiden Suharto (1967-1998) merupakan salah satu peristiwa penting dalam sejarah gerakan mahasiswa. Hal ini demikian memandangkan para mahasiswa menjadi faktor pendesak utama yang menyebabkan Presiden Suharto yang dikaitkan dengan pemerintahan autokratif dan mengamalkan kronisme, nepotisme meletakkan jawatan. Sir-siri demonstrasi jalanan yang berlaku pada ketika itu menyebabkan Jakarta lumpuh sama sekali dan menyebabkan Suharto terpaksa berundur walaupun berjaya memenangi semula pilihan raya pada Mac 1998.

Malaysia

Pergerakan mahasiswa di negara ini mula menzahirkan kebangkitan mereka dan menjuarai isu-isu rakyat bermula pada dekad-dekad 1960an dan berlanjutan hingga ke dekad 1970an. Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya memainkan peranan penting dalam menggerakkan para pelajar universiti untuk melancarkan kebangkitan menentang establishment. Antara isu popular ialah anti tuanku, aotonomi universiti, teluk gong dan baling.

Merujuk kepada perjuangan pelajar Islam secara khusus pula mereka juga telah membuat sesuatu perubahan. Di Turki golongan pelajarlah antara yang paling kuat menentang sekularisasi tajaan Kamal Atartuk. Di Mesir, para pemuda didikan Hassan Al-Bannalah antara yang kuat berjihad menentang penubuhan Israel di atas darah umat Islam Palestin pada tahun 1947 malahan merekalah yang paling digeruni oleh tentera-tentera Israel. Di Afghanistan para pelajarlah antara yang membantuk kekuatan di bawah pimpinan Gulbuddin Hekmatyar, Burhanuddin Rabbani dan rakan-rakannya menentang 'beruang ganas' Rusia serta membentuk Ittehad Mujahideen.

DEFINISI MAHASISWA

Majalah Varsiti, Universiti Malaya, sesi 1977/78, majalah rasmi mahasiswa Universiti Malaya mencatatkan sebuah kata-kata, "Mahasiswa adalah 'anak' masyarakat, maka pulanglah bertemu 'ibu bapa' untuk berbakti..."

Menurut Prof. Dr. Yusof Al Qaradhawi, seorang sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani masa kini, katanya ; " Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur ' baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur" tetapi jika keadaan adalah sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku".

Analisis Semantik

Apabila berbicara dan hendak mengenal Mahasiswa kita tidak dapat hanya untuk mengambil satu sudut iaitu mahasiswa sahaja. Kita juga perlu mengenal pasti apa yang berkaitan dengan mahasiswa seperti ilmu, universiti, buku, matang dan sebagainya. Maknanya, jika seseorang itu tidak belajar di Universiti maka dia bukanlah mahasiswa. Setiap elemen pelengkap itu memberi makna bahawa itulah mahasiswa.

Kegagalan memahami makna sebenar mahasiswa dan hanya mengambil beberapa sisi pandang sahajalah yang menyebabkan kita mudah untuk menilai siapa itu mahasiswa berdasarkan isu-isu dan contoh yang dipaparkan pada umum apa yang mereka buat baik di Universiti, Luar Universiti mahu pun jalanan. Sungguhpun kita telah melihat dan dibentangkan dengan sejarah gerakan mahasiswa yang lampau dan barangkali kelihatan radikal pada waktu itu, namun itu hanyalah secebis yang tersingkap daripada cara pandang dan ccara fikri mereka ketika itu yang mana ia bukan sesuatu yang kita boleh kata salah atau betul. Mahasiswa masih meniti jalan perjuangan sehingga kini dan terus akan bergerak selagi semangat muda masih kekal mendepani semangat zaman.

LINGKUNG KEBITARAAN MAHASISWA

Generasi muda atau mahasiswa semestinya punya syarat-syarat fundamental yang perlu dipenuhi pertamanya. Pra-syarat ini merupakan asas kepada setiap individu pejuang di kalangan generasi muda untuk bersiap siaga menemuhi medan perjuangan dan sekaligus menampung kelesuan sedia ada. Seumpama kita, sebelum diterima masuk untuk melanjutkan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi, maka keputusan SPM atau STPM yang bersesuaian adalah diperlukan sebagai pra-syaratnya.

Begitu jugalah di dalam hal ini, sebelum boleh kita memangkin kecemerlangan umat, maka pra-syaratnya adalah seperti yang berikut untuk kita penuhi;

Spiritualisme (Kekuatan Rohani)

Kekuatan rohani merupakan pra-syarat yang utama yang perlu dipenuhi. Ini kerana, kekuatan rohanilah yang akan memacu kita dalam perjuangan ini. Memetik penjelesana **Ustaz Hasrizal Abdul Jamil** dalam rancangan motivasi pagi Radio IKIM.FM, beliau membahaskan kekuatan rohani ini sebagai motivasi tulen yang memacu kita untuk terus berjuang. Maka persoalannya sekarang, di manakah sumber motivasi tulen ini?

Di sinilah tampaknya keutamaan dan kepentingan amal ibadah serta selawat. Amal ibadah sebagai zikir kita memperingati Allah s.w.t. pada setiap masa dan selawat sebagai cinta kasih kita kepada baginda Muhammad Rasulullah s.a.w. Seperti yang dianjurkan Al-Quran dalam **Surah ar-Ra'd, ayat ke-28;**

"...ingatlah, hanya dengan mengingati Allah, hati menjadi tenteram"

Manakala satu-satunya suruhan Allah s.w.t. yang turut dilaksanakan oleh Allah s.w.t. sendiri adalah selawat ke atas baginda Muhammad Rasulullah s.a.w. seperti yang terakam dalam **Surah al-Ahzab, ayat ke-56;**

"Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat untuk nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan kepadanya"

Namun, kerana keras dan kotornya hati kita selama ini yang telah kita biarkan membatu dan bernanah, maka bukanlah suatu yang mudah untuk kita menyucikan hati kita melainkan dengan bimbingan daripada mursyid daripada para 'alim ulama' dan orang-orang soleh. Kerana itu kita dianjurkan untuk berdampingan dengan mereka sebagai wasilah untuk kita merapatkan diri dengan Allah s.w.t. dan baginda Muhammad Rasulullah s.a.w. kerana mereka itu golongan yang berada dalam rahmat dan redha Allah s.w.t. dan warisan daripada baginda Muhammad Rasulullah s.a.w. Merekalah yang seharusnya jadikan mursyid sebagai penunjuk jalan untuk sampai kepada Allah s.w.t. dan baginda Muhammad Rasulullah s.a.w. Sabda baginda Muhammad Rasulullah s.a.w.;

"Para ulama adalah pewaris para nabi"

(H.R. Imam Abu Daud, Imam Tirmizi, Imam Ibnu Majah, Imam Ibnu Hibban)

Para sahabat, tanpa kekuatan rohani, maka mustahil Islam bertahan sehingga kini. Bayangkan, jika tidak kerana keteguhan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq menghadapi pemergian kekasihnya Nabi Muhammad s.a.w. adanya lagi cabaran ancaman kaum murtad,

yang enggan membayar zakat, nabi palsu dan penjajahan dua kuasa adidaya ketika itu iaitu empayar Rom dan Parsi, maka mungkin tidak akan sampai Islam sehingga hari ini. Begitu juga, generasi Sultan Salahuddin dan Sultan al-Fateh, yang terkenal dengan generasi yang dibimbing hati mereka oleh mursyid mereka daripada golongan 'alim ulama dan orang-orang soleh, di samping berjuang, amalan-amalan kerohanian bahkan ditingkatkan. Seinggakan Sultan al-Fateh memastikan tenteranya bangun sepertiga malam dengan diimarahkan dengan solat-solat sunat.

Intelektualisme (Keluasan Ilmu)

Perjuangan menuntut kita untuk punya ilmu yang luas. Namun, harus diteliti apakah yang dimaksudkan dengan ilmu. **Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas** memperbaiki dan mengenegahkan semula definasi ilmu oleh **Fakhruddin al-Razi** seperti berikut;

“Merujuk kepada Allah sebagai asal segala ilmu, ia (ilmu) adalah ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Apabila merujuk kepada diri sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu”

Maka itu, untuk memperolehi ilmu maka seseorang itu harus berusaha untuk mendatangkan makna segala sesuatu kepada dirinya dan juga haruslah berusaha untuk mendatangkan dirinya kepada makna segala sesuatu. Justeru, pokok penting bicara ini adalah suapay setiap pejuang yang komited dan konsisten kepada perjuangan memangkin kecemerlangan umat harus berusaha sedaya upaya membudayakan ilmu dalam kehidupan seharian. **Prof. Wan Mohd. Nor Wan Daud** dalam bukunya *“Penjelasan Budaya Ilmu”* menyatakan;

“Budaya ilmu bermaksud kewujudan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakat melibatkan diri baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan”

Justeru sejauh manakh kita pada hari ini membudayakan ilmu dalam kehidupan seharian? Sekiranya kita gagal membudayakan ilmu, maka apakah yang dapat kita perjuangkan untuk diambil iktibar oleh umat? Jangan sampai apa yang dibahasakan oleh **Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas** sebaga *vicious circle* menular dalam masyarakat sehingga tiada upaya lagi untuk diubah.

Dengan keluasan ilmu, maka generasi muda akan dipandang tinggi. Sekalipun **Hujjatul Islam Imam al-Ghazali** dalam kitabnya *“Ihya' 'Ulumuddin”* telah membahagikan ilmu kepada dua iaitu ilmu fardhu 'ain dan fardhu kifayah, generasi muda sebagai pemangkin kecemerlangan umat tidak boleh hanya membataskan ilmu kepada ilmu fardhu 'ain sahaja. Kerana di zaman kontemporer ini, penguasaan ilmu fardhu kifayah merupakan nilai tambah

yang akan mengangkat umat ini. Allah s.w.t. membezakan darjat di antara orang yang berilmu dengan orang yang jahil seperti yang terakam dalam **Surah az-Zumar, ayat ke-9**; *"...Apakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?..."*

Idealisme (Ketinggian Pemikiran)

Generasi muda perlu mempersiapkan diri dengan ketinggian pemikiran. Umat diancam dengan serangan yang lebih berbahaya berbanding serangan secara fizikal. Sekiranya umat diserang secara fizikal, sekurang-kurangnya akidahnya masih utuh dan tetap. Namun hari ini, yang lebih berbahaya adalah apabila pemikiran umat diserang dari segenap sudut. Ancaman serangan pemikiran (*ghazwatul fikr*) ini sudah diutarakan ratusan tahun dahulu oleh pemimpin-pemimpin tentera salib setelah mereka tertewas dalam perang salib dalam menentang tentera Muslimin;

"Muslims should not be approached as people often do, by arms, but by words, not by force, but by reason, not by hatred, but by love."

(Petrus Venerabilis, pemimpin tentera salib)

"Kita tak akan dapt kalahkan orang Islam selagi mereka rapat dengan kitab ini (al-Quran)"

(King Louis VII, pemimpin tentera salib)

Bukan sahaja pemikiran kita diserang dari luar, malah diserang pula daripada dalam oleh segolongan yang mengaku Islam namun berpegang kepada faham sekularisme, liberalism dan pluralisme. Mereka ini dengan bertopengkan Islam telah menjaja pemikiran sesat dan songsang sehingga telah merosakkan pemikiran umat. Di manakah generasi muda dalam mempertahankan umat?

Ketinggian pemikiran menuntut generasi muda untuk menggunakan keluasan ilmu mereka untuk beranjak ke peringkat seterusnya. Bukan hanya sekadar mempunyai ilmu, tetapi berupaya menggunakan ilmu untuk kecemerlangan umat. Kebijakan dalam menggunakan ilmu adalah suatu kemahiran yang amat didambakan umat untuk mengeluarkan umat daripada belenggu kejahilan yang melantun-lantun dek kerana sifat ananياهو yang menebal.

Generasi muda dengan idealisme diharapkan umat sebagai pagar membentengi rumah daripada serangan musuh. Idealism merujuk kepada yakin dan faham akan prinsip asas perjuangan serta jelas dan bersungguh akan halatuju perjuangan bersandarkan kepada dua perkara pokok iaitu 'amr ma'ruf dan nahy mungkar, seperti yang digariskan dalam **Surah Al Imran, ayat ke-104**;

“Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang ma’ruf, dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung”

Aktivisme (Kesungguhan Usaha)

Walau bagaimana kuatnya rohani seseorang dan seluas mana pun ilmunya serta setinggi mana pun pemikirannya, namun jika tidak disertai kesungguhan usaha maka, kecemerlangan umat hanya tinggal angan-angan. Allah s.w.t. berfirman dalam **Surah Ali Imran, ayat ke-159**;

“...Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sungguh Allah mencintai orang yang bertawakkal”

Kesungguhan usaha menuntut generasi muda yang berjuang untuk memangkin kecemerlangan umat hanyut dibuai keasyikan dalam perjuangannya. Dan aktivisme yang digiatkan ini dipandu pula oleh kesegeraan yang sistematis seperti yang diungkapkan oleh **John P. Kotter** dalam bukunya *“A Sense of Urgency”*. Sekiranya aktivismenya tidak dipandu oleh suatu perencanaan maka jadilah ia seperti yang diungkap oleh **Sayyidina Ali Abu Talib k.w.j.**

“Kebenaran yang tidak terancang akan kalah kepada kebatilan yang terancang”

Perlu sentiasa diingat bahawa golongan yang memerangi Islam akan sentiasa mencari kelemahan dan kekurangan umat untuk dihunjam dengan segala macam serangan yang berencana. Peringatan yang terakam dalam **Surah al-Baqaroh, ayat ke-120**;

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu).”

Ahmad Abd Al-Mun'im Al-Badri dalam bukunya *“Tanzim Haraki”* menggariskan tanzim dalam sesebuah gerakan Islam memerlukan tiga elemen utama iaitu Qiyadah (kepemimpinan), Jundiyy (tentera) dan Khittah (perencanaan). Maka itulah, generasi muda sebagai pemangkin kecemerlangan umat harus bergabung tenaga dalam sebuah tanzim menuruti saranan **Ustaz Fathi Yakan** dalam bukunya *“Apa Ertinya Saya Menganut Islam”* dan tampil ke barisan hadapan perjuangan untuk kecemerlangan umat dengan khittah (perencanaan) yang sempurna. Mengimani firman Allah s.w.t. dalam **Surah as-Saff, ayat ke-4**;

“Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berperang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur, mereka seakan-akan seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh”

KELESUAN MAHASISWA

Malas itu agaknya sudah menjadi fenomena biasa bagi sesetengah golongan. Dalam konteks masyarakat Melayu Islam di Malaysia, sejak zaman penjajahan lagi, perang saraf dilancarkan para penjajah dengan momokan dan penyebaran mitos 'kaum pri-bumi malas'. Akibatnya, bagi mereka yang malas berfikir lansung mengiyakan propaganda diabolis Barat ini. Lantas, akibat kelemahan daya akli dan kemalasan berfikir, mereka terkeliru dan tersalahfaham dalam memahami hakikat, lalu membuat kesimpulan yang tidak relevan (*irrelevant conclusion/ Ignoratio Elenchi*). Justeru, suara-suara lemah seraya kedengaran: "kita ini buat jarum pun tak pandai, inikan pula mahu memerintah negeri sendiri". Kata-kata seperti ini merupakan manifestasi 'kejahilan tak tersedarkan' yang menjalar dalam diri masyarakat dewasa itu.

Fenomena ini bukan hanya berlaku di Tanah Melayu, bahkan di seluruh tanah yang terjajah oleh kuasa Imperialis Barat. Malek Ben Nabi menamakan fenomena jahil tak tersedarkan ini sebagai *imferiority complex* yakni penderitaan jiwa akibat rasa rendah diri yang amat. Ini bermakna, akar jati diri terus tercabut dan langsung tiada keyakinan terhadap diri dan kebudayaan sendiri.

Yang lebih pelik, dalam era moden ini, gejala kejahilan tak tersedarkan ini mengalami evolusi. 'Kejahilan yang sengaja dibuat-buat tak sedar' muncul dan menambah-burukkan keadaan parah umat. Inilah golongan manusia yang disebut dalam al-Qur'an sebagai orang yang 'lebih sesat daripada haiwan ternak' (surah al-A'raf ; ayat 179). Golongan ini langsung tidak peduli akan hakikat, kebenaran, keindahan, ketersusunan yang telah Allah aturkan sesuai dengan fitrah dan sunnatullah. Umpama kata peribahasa Melayu, "Bagai beruk mendapat bunga", segala yang baik itu dirosakkannya, dijungkarbalikkan, dan dipunahkannya.

Hakikatnya, golongan ini cuba menjarakkan diri mereka daripada landasan fitrah dan sunnatullah. Apa sebenarnya yang mereka fikirkan hanyalah ilusi hasil kesimpulan tidak relevan (*Ignoratio Elenchi*).

Sesungguhnya punca utama kelesuan mahasiswa apabila mereka gagal memahami dan mengerti tentang siapa dan apakah tugas sebenar mahasiswa. Masyarakat yang tidak kenal dan buat-buat tidak kenal juga menjadi penyebab dan penyumbang kepada kelesuan mahasiswa. Mereka kenal siapa mahasiswa, namun barangkali kerana nafsu, ego dan inginkan sesuatu dan menganggap jika mahasiswa sebenar wujud keinginan mereka terhalang. Maka mereka padamkan sisi-sisi positif dan tidak lesu mahasiswa dengan apa cara sekalipun. Hanya menyebut beberapa penyumbang luar seperti hedonisme yang dipadamkan oleh kapitalisme, komersialisasi pendidikan juga dipadamkan oleh kapitalisme, AUKU yang dipadamkan oleh Nepotisme.

Proses 'komersialisasi' yang beranak dari fahaman sesat *kapitalisme* ini sudah pasti merobah keseluruhan pandangan tentang makna, tujuan dan fungsi pendidikan. Pendidikan sebagai 'sumber menjana kekayaan' ini diakui oleh perspektif pendidikan Teori Konflik;

“Pendidikan dipersepsikan sebagai sebahagian super-struktur yang digunakan oleh kaum kapitalis bagi tujuan-tujuan ekonomi. Persaingan dalam memperoleh kedudukan ekonomi menjadi punca konflik dalam masyarakat”

Jadi, menurut Teori Konflik, pendidikan adalah proses langsung re-produksi sistem yang sedia wujud dan yang paling utama, pendidikan membantu mengekalkan pengembangan sistem ekonomi kapitalis yang menindas.

Sewajarnya, mahasiswa sedar dan tidak sepatutnya terlalu nyaman dengan apa yang dihidangkan di hadapan mata mereka kini. Adapun bagi kelompok yang punya idealisme dan ingin memperjuangkan hak mahasiswa, percaturan dan perencanaan strategi dan tindakan yang bijak adalah amat perlu; tidak terlalu membuta tuli, malah jangan mudah lentur kepada mana-mana pihak atau kelompok kontra-establishment seperti parti pembangkang ataupun senior-senior aktivis agar selayaknya dengan tahap mereka sebagai seorang penuntut ilmu di menara gading.

PROSPEK MAHASISWA

Perbandingan mahasiswa dahulu dan kini adalah sesuatu yang tidak adil jika kita lihat dari satu sudut. Ini kerana situasi, zaman dan desakan berbeza. Justeru, kaedah juga tidak boleh ditiru secara total. Keperluan mahasiswa untuk menyerap ‘Semangat Zaman’ adalah amat dituntut dalam mendepani kepelbagaian ragam masani. Kini dunia didepani dengan tututan pelbagai pihak. Baik daripada parti politik, kapitalis dan sebenarnya yang lebih parah iaitu aliran pemikiran yang semakin mengganas. Arus itu sedang berlaku dan dibimbangi ia tidak dapat ditahan lagi suatu hari kelak.

Langkah seterusnya nampak mencabar. Langkah bagaimana untuk mengisi, untuk membina semua aspek dan dimensi Islam tersebut berteraskan dengan nilai-nilai Tauhid dan berinstrumenkan ‘lingkung kebitaraan mahasiswa’.

PENUTUP

Masa hidup di dunia ini bukanlah igauan permainan yang indah semata-mata, akan tetapi ia harus diisi dengan sepenuhnya. Sesungguhnya, Islam menantikan kebangkitan kita semua. Marilah kita terlibatlah dalam Generasi Pemangkin yang Mencipta Kecemerlangan Umat. Jangan kita menyesal seumpama seorang sahabat Nabi s.a.w yang menanggukkan janjinya untuk bersama baginda ketika dakwahnya sebelum Hijrah. Hanya pada ketika kemasukan ribuan tentera Islam ketika peristiwa Fathul Makkah pada 8 Hijrah barulah ia menyesal mengapalah tidak mendampingi Rasulullah s.a.w sejak awal-awal dahulu. Akhir kata, renungkanlah rangkap-rangkap pantun ini, yang dinukilkan oleh **Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas** dalam "*Risalah Untuk Kaum Muslimin*" beliau:

Sifat sejarah, menurut orang,
Ibarat pentas bermain wayang,
Cerita lampau dihurai dalang,
'Pabila tamat segera diulang.
Jika demikian mustahil pantang,
Giliran Islam pula mendatang,
Lakonan lama indah gemilang,
Di layar dunia semula terbentang.